

18 OCT 1996

Pas-Lega

PAS LEGA DENGAN KENYATAAN DR MAHATHIR, KATA HALIM

KOTA BAHARU, 18 Okt (Bernama) -- Pas menyatakan rasa lega dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa UMNO tidak perlu membeli atau membuat sebarang tawaran kepada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelantan dari Pas bagi membolehkan Barisan Nasional (BN) menerajui semula negeri itu.

Timbalan Menteri Besar Haji Abdul Halim Abdul Rahman berkata, keikhlasan Dr Mahathir itu disanjung tinggi oleh Pas dan kenyataan itu seiring dengan hasrat beliau (Dr Mahathir) untuk menghapuskan politik wang.

"Tindakan Dr Mahathir ini adalah sesuatu yang murni dalam politik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan ceramah politik anjuran parti itu mengenai kemelut politik yang melanda negeri itu, di sini, malam tadi.

Halim berkata, beliau berkeyakinan penuh kepada ahli-ahli UMNO di negeri ini yang mereka tidak akan melakukan perkara itu selaras dengan hasrat Dr Mahathir.

"Jika adapun saya yakin ini bukan datangnya dari ahli-ahli UMNO, cuma golongan-golongan tertentu yang berkepentingan sahaja mengambil kesempatan seperti itu," jelasnya.

Sehubungan dengan itu, beliau yakin kesemua ADUN dari Pas tidak akan terpengaruh dengan wang ringgit bagi memecah belahkan pentadbiran yang diterajui oleh Pas sekarang.

Bila ditanya mengenai tindakan lebih kurang 50 pegawai tadbir negeri yang keluar beramai-ramai dari Dewan membantah tindakan wakil Manik Urai, Ismail Yaakub yang dikatakan mengecam dan menghina Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Hashim Wan Daud, beliau berkata, "itu tindakan biasa sahaja...tapi jangan terlalu mengikut emosi dan saya tidak faham tindakan mereka,".

Kerajaan negeri akan mengadakan perundingan dengan mereka bagi menyelesaikan apa yang disifatkannya sebagai salah faham sahaja, katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, beliau berkata, tindakan sesetengah pihak untuk menghancurkan Pas di Kelantan sudah tidak berjaya dan buktinya ialah khabar angin yang mengatakan Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan oleh Sultan adalah tidak benar malahan dapat bersidang mengikut jadual.

Menteri Besar, Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam ucapannya pula tetap menegaskan bahawa UMNO tidak perlu menentang Pas kerana kedua-dua parti itu diterajui oleh bangsa Melayu yang beragama Islam.

"Tiada sebab UMNO nak tentang Pas...apakah berjuang menegakkan Islam harus ditentang oleh orang yang beragama Islam," katanya.

Mereka yang menentang Pas adalah orang yang tamakkan kebendaan dan bukannya mengharapkan keredhaan Tuhan, katanya. -- BERNAMA

ZI PR